



TAHAP PENGETAHUAN MASYARAKAT KELANTAN TERHADAP KEGANASAN RUMAH TANGGA

(Level of Knowledge among Kelantan Community on Domestic Violence)

Nuruaslizawati Ayob^{1*}, Siti Hajar Abdul Rauf¹, Nur Masliza Samsudin¹

¹Fakulti Sains Sosial Gunaan, Sultan Zainal Abidin, Gong Badak Campus, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Correspondence Author Email: ayobnuruaslizawati@gmail.com

Received: 15 March 2021 • Accepted: 30 March 2021 • Published: 31 October 2021

Abstract

Domestic violence is a serious social problem and can affect the health and well-being of its victims. Domestic violence statistic showed that there were an increasing number of domestic violence cases from the year 2014 to 2019. The main objective of this study is to examine the knowledge level of the Kelantanese people on the issue of domestic violence. This study used a quantitative research design through the distribution of questionnaires to obtain raw data. The selection was made randomly with a sample of 200 respondents. The data collected was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 17.0. The results of the study suggest that the level of knowledge of the people of Kelantan on the issue of domestic violence is at a high level with the mean value = 3.82 and standard deviation = 0.99. The findings of the study found that the majority of Kelantanese have a high knowledge on the issue of domestic violence. However, the number of domestic violence cases is relatively high. Thus, social support and encouragement from various parties such as friends, family and the authorities are necessary to reduce cases of domestic violence in the community.

Keywords: *Domestic violence, Physical abuse, Emotional abuse, Economic abuse, Sexual abuse*

Abstrak

Keganasan rumah tangga merupakan masalah sosial yang serius dan mampu memberi kesan kepada kesihatan serta kesejahteraan hidup seseorang. Statistik keganasan rumah tangga menunjukkan terdapat peningkatan dalam laporan mengenai kes keganasan rumah tangga yang berlaku pada tahun 2014 hingga 2019. Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana tahap pengetahuan masyarakat Kelantan terhadap isu keganasan rumah tangga. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui edaran borang soal selidik bagi mendapatkan data

mentah. Pemilihan sampel dibuat secara rawak mudah ke atas 200 orang responden. Kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Science Social (SPSS)* versi 17.0. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan rakyat Kelantan terhadap isu keganasan rumah tangga berada pada tahap yang tinggi iaitu nilai min= 3.82 dan sisihan piawai= 0.99. Dapatan kajian mendapati bahawa majoriti rakyat Kelantan mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap isu keganasan rumah tangga. Namun begitu, jumlah kes keganasan rumah tangga yang berlaku di Negeri Kelantan adalah agak tinggi. Justeru, sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak seperti rakan, keluarga dan pihak berwajib adalah perlu bagi mengurangkan masalah kes keganasan rumah tangga dalam masyarakat.

Kata kunci: Keganasan rumah tangga, Keganasan fizikal, Keganasan emosi, Keganasan ekonomi, Keganasan seksual

Cite as: Ayob, N., Rauf, S.H.A., Samsudin, N.M. (2021). Level of Knowledge among Kelantan Community on Domestic Violence. *Asian People Journal*, 4(2), 72-79.

PENGENALAN

Perkahwinan merupakan simbol jalinan kasih sayang dan ikatan halal antara lelaki dan perempuan. Sudah menjadi fitrah bagi manusia untuk mendirikan rumah tangga dengan pilihan hati. Disebabkan oleh kasih sayang sesama pasangan, perkahwinan menjadi pendorong untuk setiap pasangan mengembangkan keturunan mereka dan masyarakat. Menyentuh soal cinta dan rumah tangga, setiap individu mahukan yang terbaik untuk kehidupan mereka. Ini kerana, kebahagiaan dan keharmonian dalam rumah tangga merupakan kunci kesejahteraan hidup. Namun begitu, kehidupan berumah tangga tidak seindah yang difikirkan. Kemusnahan ikatan perkahwinan terjadi apabila salah seorang daripada pasangan melakukan kezaliman atau mengabaikan tanggungjawab terhadap pasangan mereka.

Keganasan rumah tangga merujuk kepada corak keganasan, penderaan, ugutan yang digunakan untuk mengawal atau mengekalkan kuasa ke atas pasangan yang sedang atau telah berada dalam hubungan (Women's Aid Organisation, 2017). Keganasan rumah tangga meliputi tiga tipologi utama; iaitu keganasan kepada diri sendiri, interpersonal dan kolektif (Timshel, Montgomery & Dalgaard, 2017). Tipologi ini merujuk kepada sifat dan keganasan yang boleh menyebabkan kecederaan sama ada fizikal, emosi atau seksual. Akta Keganasan Rumah tangga 521 (1994) bermaksud mana-mana perbuatan seperti dengan sengaja meletakkan, atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan dan kecederaan fizikal oleh tindakan yang dilakukan, menuntut mangsa secara paksaan atau ancaman untuk terlibat dalam apa-apa kelakuan atau perbuatan seksual atau selainnya, mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan serta melakukan khianat atau kerosakan harta dengan niat untuk menyebabkan mangsa rasa sedih atau gusar.

Kes keganasan rumah tangga telah merekodkan peningkatan dalam tempoh masa sedekad. Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan didapati meningkat antara tahun 2014 iaitu 4,807 kes kepada 5,118 kes pada tahun 2019 (Polis Diraja Malaysia, 2019). Ketidaktahuan dalam rumah tangga, perbezaan latar belakang, masalah ekonomi, cemburu, penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah atau arak, masalah mental dan kurangnya pegangan agama dalam kehidupan merupakan salah satu punca berlakunya keganasan dalam rumah tangga.

Menurut Dolunay-Cug, Toplu-Demirtas dan Murray (2017) penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh lelaki dilihat berkait dengan sosio budaya yang diamalkan. Ini kerana, sebilangan masyarakat menerima tingkah laku keganasan dan menerapkan dominasi lelaki terhadap wanita sebagai punca berlakunya keganasan rumah tangga (Masarah, et al., 2018). Tambahan pula, persepsi ini masih dominan di dalam budaya masyarakat di Malaysia kerana keganasan rumah tangga dianggap sebagai masalah peribadi dan tidak boleh dihebohkan kepada

orang lain (Kanesan, 2019). Akibatnya, mereka sukar untuk mengambil tindakan untuk menfailkan penceraian kerana risau dilabel sebagai tidak taat jika meninggalkan pasangan mereka (Masarah et al., 2018). Selain itu, pemahaman wanita dalam konteks agama untuk mempertahankan maruah keluarga turut mengurangkan “langkah” mereka untuk mendapatkan bantuan.

Teori Kitaran Keganasan

Pergolakan dalam sesebuah rumah tangga adalah disebabkan oleh pengabaian dan kezaliman yang sering dilakukan oleh pasangan. Menurut Walker (1984), terdapat tiga fasa yang dialami oleh mangsa keganasan melalui kitaran keganasan (*Cycle of Violence*). Fasa pertama merujuk kepada fasa ketegangan (*Tension Building Accompanied*). Pada fasa ini satu penderaan kecil terjadi dalam hubungan tetapi masih dapat dikawal. Pelaku sering meluahkan rasa tidak puas hati untuk menimbulkan suasana pergaduhan, namun “ditenangkan” oleh mangsa. Pada fasa ini juga pelaku menyatakan rasa tidak puas hati, tetapi bukan dalam keadaan yang maksimum atau melampau. Fasa ini berlaku dalam jangka masa yang agak panjang sehingga fasa kedua tercetus; iaitu mungkin berlaku berminggu-minggu atau bertahun-tahun.

Fasa kedua pula ialah fasa ganas (*Acute Battering Incident*) di mana ketegangan yang berlaku di fasa pertama sudah tidak terkawal. Fasa ini dianggap singkat dan ganas di mana mangsa sering dilemparkan dengan kata-kata kesat, penghinaan, ejekan untuk mencetuskan pergaduhan. Mangsa mungkin mengalami kecederaan pada fasa kedua ini.

Manakala, fasa ketiga iaitu fasa bulan madu (*Loving Contrition*). Pelaku mula meminta maaf, bersikap baik, penyayang, menginsafi perbuatannya dan berjanji untuk tidak mengulangi perbuatan tersebut. Keadaan ini menyebabkan sesetengah wanita mengambil keputusan untuk memaafkan pelaku dan memutuskan untuk tetap berada dalam ikatan perhubungan. Namun begitu, kitaran ini akan berulang sehingga mangsa berani untuk keluar mencari bantuan.

Keganasan rumah tangga merupakan satu perbuatan yang telah meninggalkan impak yang luar biasa bukan sahaja terhadap morbiditi dan kematian tetapi juga kepada sumber kehidupan lain. Isu keganasan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti fizikal, emosi, ekonomi dan seksual. Bishop (2016) mentakrifkan keganasan merupakan suatu perbuatan dengan niat yang mampu menyebabkan kemudaratan atau kecederaan kepada mangsa. Keganasan juga dianggap ganas apabila mangsa, masyarakat dan sistem perundangan menilai tindakan itu suatu yang ganas.

Menurut Tonsing (2014) keganasan rumah tangga mungkin berbeza dari sudut pandang negara atau budaya. Namun keganasan berlaku tanpa mengira etnik, sosial, ekonomi, agama atau budaya. Keganasan yang berlaku memberi kesan yang buruk sama ada pada kesihatan mental atau fizikal mangsa. Ini kerana, menurut Sharma dan Borah (2020), keganasan rumah tangga merujuk kepada apa-apa bentuk keganasan yang dilakukan terhadap orang lain bertujuan untuk menimbulkan kemudaratan atau mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas mangsa. Dalam kes ini, lelaki dilihat mempunyai kuasa sama ada dalam kerajaan, keagamaan atau masyarakat berbanding wanita yang dianggap mempunyai kedudukan yang lebih rendah dalam masyarakat (Dobash & Dobash, 1979). Keadaan ini telah mengakibatkan satu daripada tiga wanita di seluruh dunia berpotensi mengalami keganasan sama ada keganasan fizikal dan/atau seksual sepanjang hidup mereka (WHO, 2021).

Fenomena keganasan rumah tangga diklasifikasikan kepada empat bentuk keganasan iaitu keganasan ekonomi, fizikal, seksual dan emosi. Keganasan ekonomi merujuk kepada corak tingkah laku yang mengganggu keupayaan pasangan sama ada dalam memperoleh, menggunakan atau mengekalkan sumber ekonomi sehingga mengancam keselamatan ekonomi dan keupayaan diri (Gibbs, Dunkle & Jewkes, 2018). Selain itu, keganasan fizikal merujuk kepada satu tindakan yang menyebabkan rasa takut, sakit, patah atau mengalami kecederaan pada mana-mana anggota badan. Sebagai contoh lebam, melecur, terbakar, retak atau patah tulang (Senjic, 2016),

menendang, menyepak, menampar (Boxall, Morgan & Brown, 2020) dan menakut-nakutkan atau membahayakan seseorang dengan niat, memberi ancaman yang merujuk kepada lisan atau fizikal sehingga melemahkan psikologi mereka (Roberts, 2018). Keganasan seksual pula merujuk kepada tingkah laku kasar dan kompleks dalam perhubungan heteroseksual. Walaupun, keganasan seksual sering berlaku sepanjang tempoh perkahwinan, tetapi masalah ini tidak disuarakan (Townes & Adams, 2016). Menurut Hadi (2017) pula, penderaan seksual digambarkan sebagai memperlakukan wanita sebagai objek seksual, persetubuhan secara paksaan, tuntutan berkaitan dengan pakaian, menghina dengan menggunakan gelaran yang teruk dan hubungan yang menimbulkan kesakitan. Manakala keganasan emosipula merujuk kepada sebarang perbuatan yang merosakkan identiti diri, kesihatan dan perkembangan seseorang. Keganasan emosi dilakukan bertujuan untuk memanipulasi dan menghina seseorang melalui pelbagai corak seperti mengejek, memperkecil, mengkritik, menipu dan memandang rendah terhadap mangsa (Zabihzadeh, Hashim & Wei, 2015).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Satu set soal selidik telah dibina dan dijadikan sebagai instrumen kajian. Menurut Jameel dan Majid (2018) soal selidik merupakan satu set soalan yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat secara sistematik menggunakan soalan berstruktur atau terbuka bertujuan untuk dianalisis bagi menjawab persoalan kajian. Pembentukan borang soal selidik dilakukan berpandukan kepada soalan-soalan yang terdapat dalam kajian Etherington dan Baker (2016) dan Elabani (2015). Beberapa soalan telah diubahsuai mengikut kesesuaian semasa dan konteks negara Malaysia. Pengubahsuaian dilakukan bagi memastikan soal selidik yang dibina bersesuaian dengan objektif kajian. Seramai 200 orang responden telah dipilih secara rawak mudah yang tinggal di Kelantan bagi menjawab soal selidik berkaitan pengetahuan mengenai keganasan rumah tangga. Data yang diperoleh melalui soal selidik dikumpul, dikodkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 22. Sebelum analisis dijalankan, data disaring terlebih dahulu bagi mendapatkan data yang tepat. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data bagi mengetahui tahap pengetahuan masyarakat mengenai keganasan rumah tangga. Menurut Sekaran dan Bougie (2016) statistik deskriptif bertujuan untuk menerangkan secara logik dalam memahami fenomena yang dikaji. Analisis deskriptif ini dinilai berdasarkan kepada min dan sisihan piawai dengan menggunakan skala interpretasi skor min sepertimana yang dijadualkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Skala Interpretasi Skor Min

Julat Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

(Sumber: Pallant, 2007)

HASIL DAN PERBINCANGAN

Jadual 2 menunjukkan taburan pengetahuan responden terhadap isu keganasan rumah tangga. Pelbagai soalan yang berkait dengan isu keganasan rumah tangga. Analisis dilakukan berdasarkan kepada 15 item sepertimana yang dikemukakan. Responden diberi pilihan untuk mengiktiraf sesuatu pertanyaan sebagai suatu keganasan atau tidak. Dapatan kajian menunjukkan skor min bagi tahap pengetahuan rakyat Kelantan terhadap isu keganasan rumah tangga berada pada tahap yang tinggi iaitu (min= 3.82 dan sisihan piawai= 0.99) sepertimana yang dijadualkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Taburan Pengetahuan Responden Terhadap Keganasan Rumah Tangga

No	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Keganasan rumah tangga adalah mengenai kuasa dan kawalan	3.74	1.17
2.	Keganasan rumah tangga ialah corak keganasan, penderaan, ugutan yang digunakan untuk mengawal atau mengekalkan kuasa ke atas pasangan yang sedang atau dalam hubungan intim.	3.78	1.13
3.	Keganasan rumah tangga termasuk keganasan emosi dan lisan.	4.16	0.92
4.	Keganasan rumah tangga ialah keganasan fizikal yang menyebabkan kemudaratan pada anggota badan	4.21	0.98
5.	Keganasan rumah tangga termasuklah keganasan seksual	4.23	0.95
6.	Keganasan bermula daripada keganasan emosi diikuti keganasan fizikal	4.15	0.83
7.	Keganasan rumah tangga seringkali berlaku kepada pasangan yang telah lama mendirikan rumah tangga	2.98	1.10
8.	Keganasan rumah tangga seringkali berlaku kepada pasangan yang baru mendirikan rumah tangga	2.91	1.10
9.	Keganasan rumah tangga adalah mengancam dengan keganasan walaupun bukan dengan keganasan fizikal sebenar	3.95	0.79
10.	Seseorang yang melakukan keganasan fizikal kepada pasangannya adalah “pesakit mental”	3.74	1.09
11.	Mangsa yang terlibat dalam keganasan rumah tangga tidak menghiraukan keselamatan anak-anak mereka	3.40	1.19
12.	Keganasan rumah tangga adalah keganasan secara sengaja dengan meletakkan mangsa di dalam ketakutan	3.94	0.95
13.	Mengurung atau menahan tanpa kerelaan adalah dikategorikan sebagai keganasan rumah tangga.	3.88	0.96
14.	Keganasan rumah tangga termasuklah melakukan khianat atau merosakkan harta dengan niat menyebabkan kesedihan atau kegusaran.	4.05	0.81
15.	Keganasan rumah tangga seringkali berlaku di malaysia	4.19	0.83
		3.82	0.99

Pemahaman mengenai keganasan dan perilaku negatif pelaku kepada mangsa mempunyai kesan yang signifikan terhadap keganasan rumah tangga (Webster et al., 2014). Dalam konteks sosial, keadaan ini dilihat mempunyai pengaruh dengan pembentukan sikap. Menurut (Webster et al., 2018), sikap mempengaruhi hubungan seseorang dengan persekitaran. Sikap dan pengetahuan yang rendah mengenai hak dalam undang-undang adalah faktor utama berlakunya masalah keganasan rumah tangga (Nazli, et al., 2016). Sebagai contoh, masyarakat yang dikaitkan dengan penderaan dianggap gagal dalam perkahwinan. Isu ini secara tidak langsung telah menimbulkan rasa malu dalam kalangan mangsa dan ibu bapa. Oleh itu, hubungan antara konteks sosial dan sikap boleh menjadi isu besar jika masyarakat “memberi” sokongan dan kepercayaan kepada kecenderungan sikap tersebut (Webster et al., 2014).

Item 5 iaitu “keganasan rumah tangga termasuklah keganasan seksual” mencatatkan skor paling tinggi iaitu (min= 4.23 dan sisihan piawai= 0.95). Perbezaan seksual lelaki dan wanita telah mewujudkan peranan saling bergantung dan menjadi pelengkap dalam pembentukan keluarga. Terdapat kekeliruan dalam pemahaman masyarakat dalam menghormati status lelaki sebagai suami dalam perkahwinan, di mana lelaki mengharapkan wanita dalam menghormati dan mematuhi peraturan serta permintaan mereka (Elabani, 2015). Keganasan berlaku apabila pelaku menggunakan kuasa dan kekerasan untuk memaksa mangsa terlibat dalam aktiviti seksual tanpa

mengambil kira perasaan, keadaan dan persetujuan pasangan. Namun begitu, kebanyakan isu ini adalah tidak dilaporkan bagi mengekalkan kehormatan keluarga, maruah dan status quo (Zabihzadeh et al., 2015).

Seterusnya, item 8 iaitu “keganasan rumah tangga sering berlaku kepada pasangan yang baru mendirikan rumah tangga” (min= 2.91 dan sisihan piawai= 1.10). Pada kenyataan ini, responden sukar untuk menyatakan adakah keganasan berlaku pada awal perkahwinan atau sebaliknya. Kepuasan perkahwinan menunjukkan bahawa tempoh pengantin baru merupakan tempoh kestabilan dan kebahagiaan bagi sesetengah pasangan dan penurunan kepuasan adalah disebabkan oleh kualiti perkahwinan yang merosot (Williamson & Lavner, 2020). Namun begitu, keganasan rumah tangga boleh berlaku pada bila-bila masa tidak kira pada awal perkahwinan mahupun kepada pasangan yang telah lama mendirikan rumah tangga sehingga hampir 20 tahun. Kajian oleh Triantafyllou, Wang dan North (2019) mendapati wanita yang hidup dalam keganasan selama lebih satu dekad adalah dua kali ganda menderita berbanding dengan wanita dalam hubungan yang baik. Manakala Rozaina (2019) menyatakan bahawa pasangan pengantin baru juga menghadapi cabaran dan masalah dalam menjalani proses perkahwinan.

Meskipun tahap pengetahuan masyarakat adalah pada tahap tinggi, namun masyarakat masih tidak menguasai sepenuhnya tentang makna yang tersurat di sebalik keganasan rumah tangga. Dalam konteks Malaysia, peratusan penerimaan wanita terhadap keganasan melibatkan isteri menunjukkan wanita mempercayai bahawa apabila mereka telah berkahwin, mereka “dimiliki” oleh suami dan adalah hak suami untuk memukul isterinya dengan alasan tertentu (Khaironisak et al., 2017) dan kebanyakan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga enggan mendedahkan penderaan dan menyembunyikan pengalaman daripada masyarakat (Abdul Ghani, Ahmad & Mohamad, 2016). Tanpa pendidikan, keganasan rumah tangga sukar untuk ditangani. Justeru, masyarakat perlu diberi pendedahan tanpa had berkaitan hal ini bagi mengelakkan lebih ramai individu menjadi mangsa keganasan dan terus hidup dalam situasi yang tidak sihat. Menurut Shamaki dan Buang (2017), mesej tentang keganasan rumah tangga perlu dikongsi untuk mendidik dan mengubah persepsi masyarakat yang mengelirukan.

KESIMPULAN

Pemahaman dan pengetahuan mengenai keganasan rumah tangga adalah penting kepada setiap individu. Ini kerana, pemahaman dan pengetahuan dapat membantu mengurangkan fenomena keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Bagi mangsa yang sering berhadapan dengan risiko keganasan, mangsa boleh mendapatkan bantuan sama ada berbentuk formal atau tidak formal. Bantuan tidak formal merangkumi keluarga, jiran dan rakan-rakan. Hal ini kerana, keluarga, jiran dan rakan-rakan merupakan sokongan sosial yang amat penting bagi individu memerlukan bantuan atau pertolongan.

Bagi wanita yang malu untuk mendapat pertolongan secara bersemuka, bantuan secara formal boleh diperolehi dengan menggunakan menggunakan aplikasi atas talian sama ada WhatsApps TINA (*Think I Need Aid*) atau hubungi Talian Kasih 15999. Talian ini adalah usaha daripada Women's Aid Organisation (WAO) untuk memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat mengenai hak, pilihan atau membuat aduan mengenai kes keganasan rumah tangga. Dengan cara ini, mangsa keganasan dapat menjalani kehidupan secara bahagia dan harmoni.

RUJUKAN

- Abdul Ghani, M., Ahmad, N. A., & Mohamad, A. (2016). Profiles of domestic violence victims and perpetrators: a qualitative research perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 4(1), 43-50.
- AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994 (1994), (Akta 521), Vol. 1994, Akta 521.
- Bishop C. (2016) Domestic Violence: *The Limitations of a Legal Response*.

- Boxall, H., Morgan, A., & Brown, R. (2020). The prevalence of domestic violence among women during the COVID-19 pandemic. *Australasian Policing*, 12(3), 38-46.
- Dobash, R. E., & Dobash, R. (1979). *Violence against wives: A case against the patriarchy* (pp. 179-206). New York: Free Press.
- Dolunay-Cug, F., Toplu-Demirtaş, E., & Murray, C. E. (2017). Turkish mental health professionals' experiences and perspectives toward family and sexual violence. *Journal of family violence*, 32(7), 731-740.
- Elabani, S. M. (2015). *Attitudes to and perceptions of domestic violence against women in an Arab community: a case study of Libyan migrants in the UK*. Ph.D Dissertation, Manchester Metropolitan University.
- Etherington, N. A., & Baker, L. L., (2016). *OAITH Foundations of Violence against Women (VAW) Online Training Program Evaluation*. London, ON: Centre for Research & Education on Violence Against Women & Children.
- Gibbs, A., Dunkle, K., & Jewkes, R. (2018). Emotional and economic intimate partner violence as key drivers of depression and suicidal ideation: A cross-sectional study among young women in informal settlements in South Africa. *PloS one*, 13(4), e0194885.
- Hadi, A. (2017). Patriarchy and gender-based violence in Pakistan. *European Journal of Social Science Education and Research*, 4(4), 297-304.
- Jameel, B., & Majid, U. (2018). Research fundamentals: Data collection, data analysis, and ethics. *Undergraduate Research in Natural and Clinical Science and Technology Journal*, 2, 1-8.
- Kanesan, A. J. (2019). *Patriarchy, The State and Its Effect on the Implementation of the Domestic Violence Act in the Klang Valley Region of Malaysia*. Lund University.
- Khaironisak, H., Zaridah, S., Hasanain, F. G., & Zaleha, M. I. (2017). Prevalence, risk factors, and complications of violence against pregnant women in a hospital in Peninsular Malaysia. *Women & health*, 57(8), 919-941.
- Masarah, M. Y., Azlinda, A., Intan Nooraini, H. Z., Farhana, K. B., & Maslina, M. S. (2018). The Influence of Malay Culture in Domestic Violence Issues among Women in Penang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 33(13), 19–27.
- Nazli, M., Aspaella A. R., Asmar, A. R., & Che Thalbi, Md. I. (2016). Domestic Violence Court: A New Model to Combat Domestic Violence against Women in Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 7, 95-105.
- Pallant, J. (2007) *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS for Windows*. 3rd Edition. New York: McGraw Hill Open University Press.
- Polis Diraja Malaysia. (2019). *Statistik Kes Keganasan Rumah Tangga bagi Tahun 2014 hingga 2019 (JAN-NOV)*.
- Roberts, D. C. (2018). *Child contact, domestic violence, and family law in Australia*. Ph.D Dissertation: University of Adelaide.
- Rozaina, Z. A. (2019). Exploring Married Malay Couples' Conceptions of a Satisfying Marriage: Some Implications for the Education of Family Counsellors'. *IIUM Journal of Educational Studies* 7(2):73–89.
- Senjic, D. P. (2018). Family violence. *Economic and Social Development: Book of Proceedings*, 30-37.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill building approach*. United Kingdom: John Wiley & Sons.
- Shamaki, M. A., & Buang, A. (2017). Sociocultural practices in maternal health among women in a less developed economy: An overview of Sokoto State, Nigeria. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6).
- Sharma, A., & Borah, S. B. (2020). Covid-19 and domestic violence: an indirect path to social and economic crisis. *Journal of family violence*, 1-7.
- Timshel, I., Montgomery, E., & Dalgaard, N. T. (2017). A systematic review of risk and protective factors associated with family related violence in refugee families. *Child abuse & neglect*, 70, 315-330.
- Tonsing, J. (2014). *A study of domestic violence among south Asian women in Hong Kong*. Doctoral Dissertation, Royal Holloway, University of London.
- Towns, A. J., & Adams, P. J. (2016). "I Didn't Know Whether I Was Right or Wrong or Just Bewildered" Ambiguity, Responsibility, and Silencing Women's Talk of Men's Domestic Violence. *Violence against women*, 22(4), 496-520.

- Triantafyllou, D., Wang, C., & North, C. S. (2019). Correlates of duration of intimate partner violence among women seeking services at a domestic violence support center. *Journal of interpersonal violence, 34*(6), 1127-1138.
- Walker, L. A. (1984). Battered women, psychology, and public policy. *American Psychologist, 39*(10), 1178.
- Webster K, Pennay P, Bricknall R, Diemer K, Flood M, Powell A, Politoff V & Ward A (2014). Australians' attitudes to violence against women: Full technical report, Findings from the 2013 National Community Attitudes towards Violence Against Women Survey (NCAS). *Melbourne: Victorian Health Promotion Foundation.*
- Webster, K., Diemer, K., Honey, N., Mannix, S., Mickle, J., Morgan, J., Parkes, A., Politoff, V., Powell, A., Stubbs, J. and Ward, A. (2018). *Australians' attitudes to violence against women and gender equality* (No. ANROWS Research report 03/2018). Australia's National Research Organisation for Women's Safety.
- Williamson, Hannah C., and Justin A. Lavner. 2020. 'Trajectories of Marital Satisfaction in Diverse Newlywed Couples'. *Social Psychological and Personality Science 11*(5), 597–604.
- Women's Aid Organisation [WAO] (2017). Perspektif mengenai keganasan rumah tangga. *Penyelarasan gerak balas komuniti terhadap isu komuniti.*
- Zabihzadeh, S., Hashim, R. S., & Wei, G. C. C. C. (2015). Domestic Violence against Women in Atiq Rahimi's the Patience Stone. *GEMA Online® Journal of Language Studies, 15*(3), 42-58.